

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Timbalan PM ucap tahniah kepada Polis

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Musa Hitam, hari ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada pasukan polis yang berjaya memberkas kedua orang yang sangat-sangat dikehendaki polis di Sungai Way semalam.

Beliau menyatakan kebanggaannya atas kepintaran pihak polis mengatur strategi menangkap kedua orang buruan tersebut. Apa yang harus mendapat pujian ialah serbuan tersebut dibuat secara begitu rapi tanpa menitiskan darah.

Tahniah harus diberikan kepada Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Abdul Rahman Ismail serta setiap anggota polis yang telah menjayakan Operasi Bogel itu.

Datuk Musa juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada orang ramai yang memberi maklumat kepada pihak polis sehingga berjayanya operasi tersebut.

Semangat kerjasama orang ramai dalam menumpaskan jenayah harus ditauladani oleh setiap rakyat di negara ini demi untuk kesejahteraan bersama.

Datuk Musa berharap kejayaan operasi ini akan dapat menginsafkan rakyat bahawa polis sentiasa bersungguh-sungguh dalam memerangi segala bentuk jenayah di negara ini dan kerjasama rakyat adalah amat penting dalam menjayakannya.